

IKLAN JAWATAN KOSONG (MySTEP)

Pusat GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia menjemput anda warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

- **JAWATAN** : Tenaga Pengajar (MySTEP)
- **TARAF JAWATAN** : Perkhidmatan Secara Personel MySTEP
- **TEMPOH LANTIKAN** : 6 Bulan / 1 Tahun (2 Semester)
- **KADAR UPAH** : RM 2,100.00
- **TARIKH IKLAN** : 15 Jun 2023
- **TARIKH TUTUP** : 22 Jun 2023

DESKRIPSI TUGASAN:

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas berikut:

- a. Menjadi pengajar/fasilitator dengan cara membimbing dan memudahcara dalam aktiviti ilmiah anjuran PTJ/Universiti yang merangkumi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada komuniti/pelajar
- b. Bertindak sebagai mentor yang peka terhadap pembangunan komuniti/pelajar dari segi ilmu, sikap, kemahiran dan kerohanian.
- c. Memberikan komitmen serta disiplin yang tinggi terhadap apa-apa aktiviti yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran.
- d. Menyediakan bahan pengajaran yang sesuai dan berkaitan.
- e. Mempamerkan profesionalisme yang cukup tinggi dalam bidang yang diajar.
- f. Melaksanakan pendekatan yang berkesan dalam pengajaran yang berjaya meningkatkan kefahaman dan minat komuniti/pelajar serta memberi impak kepada mereka.
- g. Bersedia memperbaiki kelemahan dalam pengajaran dengan bersikap terbuka terhadap pandangan dan maklum balas komuniti/pelajar.
- h. Berinteraksi secara mesra dan positif dengan komuniti/pelajar serta bersedia membantu mereka dalam mengatasi masalah pembelajaran mereka.
- i. Menyumbang idea dan pemikiran ke arah penambahbaikan kurikulum dan pendekatan pengajaran yang berkesan.
- j. Mematuhi etika amalan akademik UKM.

SYARAT AM KELAYAKAN LANTIKAN:

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Berumur 18 tahun ke atas
- c. Kelayakan akademik: Ijazah Sarjana Muda berkaitan mata pelajaran/subjek/kursus atau kelayakan yang lebih tinggi.
- d. Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred A- dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

KEPERLUAN TENAGA PENGAJAR MENGIKUT SUBJEK:

Berikut adalah keperluan Tenaga Pengajar MySTEP mengikut subjek:

- a. Semester 1

Kursus	Bilangan Keperluan lantikan MySTEP	Tempoh Lantikan
Biologi 1 & 2	2	6 Bulan
Fizik 1 & 2	3	6 Bulan
Kimia 1 & 2	2	6 Bulan
Penaakulan Mantik dan Kalkulus Vektor	2	6 Bulan
Language and Literary Appreciation dan Critical Analysis of Current Issues	3	6 Bulan
Statistik	2	6 Bulan

CARA MEMOHON:

- a. Sila emel **RESUME/CV yang lengkap** kepada asasipintar@ukm.edu.my dengan tajuk email: Permohonan Tenaga Pengajar MySTEP (Subjek).
- b. Calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga. Jika calon **TIDAK MENERIMA SEBARANG MAKLUMAT SELEPAS 2 MINGGU DARI TARIKH TUTUP PERMOHONAN**, calon dianggap gagal melepasi saringan pertama.